

01/08/2000

Perutusan tahniah

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Switzerland, Adolf Ogi sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara itu esok.

Seri Paduka dalam perutusannya berharap hubungan baik dan kerjasama antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan lagi, menurut kenyataan Kementerian Luar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan yang sama kepada Ogi.

(END)